

03/09/2003

Persatuan Hokkien kempen ucap terima kasih kepada PM

Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Persatuan Hokkien Negeri Sembilan melancarkan Kempen Mengucapkan Terima Kasih Kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai menghargai jasa Perdana Menteri dalam pelbagai aspek.

Pengerusi Persatuan Hokkien Negeri Sembilan, Tan Kim Tieng, berkata sumbangan Dr Mahathir amat besar dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau pihaknya mencetak kad kenang budi sebanyak 20,000 untuk diedarkan kepada orang ramai bagi diisi oleh mereka sebelum diserahkan kepada persatuan.

"Selepas kesemua kad berkenaan diperoleh, kami akan mengatur satu tarikh bersesuaian untuk diserahkan kepada Perdana Menteri," katanya pada majlis pelancaran yang dilakukan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Seremban Parade, di sini, petang kelmarin.

Mohd Isa berkata, cetusan pemikiran Perdana Menteri perlu dikaji dan dianalisis dari semasa ke semasa dalam usaha mencapai kecemerlangan pada masa depan.

Katanya, pengalaman Perdana Menteri dalam membawa negara ini ke mercu kecemerlangan dan mengangkat martabat bangsa Melayu perlu menjadi contoh kepada pemimpin dan rakyat negara ini.

Beliau berkata, ia wajar menjadi contoh kepada negara membangun yang lain wajar dihayati oleh semua lapisan masyarakat ketika negara ini berusaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

"Perdana Menteri sudah mencetuskan semangat 'Malaysia Boleh' yang membawa kepada kecemerlangan rakyat negara ini mencapai tahap membanggakan.

"Malah idea dan wawasan yang disasarkan oleh beliau sudah mendorong rakyat negara ini berkerja dengan gigih untuk mencapai kejayaan.

"Sehubungan itu, pemikiran dan sikap beliau itu wajar menjadi contoh dan teladan serta garis panduan dalam membawa negara ini kepada kejayaan yang lebih membanggakan pada masa depan," kata Mohd Isa.

Hadir sama pada majlis itu Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Zakaria Nordin.